

N S M National Museum of Singapore

Panduan



Muzium Negara Singapura

Dengan latar belakang sejarah semenjak tahun 1887, Muzium Negara Singapura adalah muzium yang tertua di negara ini, tetapi mempunyai wawasan yang progresif. Galerinya menggunakan cara penyampaian terkini dan memaparkan sejarah dari berbilang perspektif, bagi memperbaharui pengalaman muzium konvensional. Sebagai sebuah mercu tanda budaya dan seni bina Singapura, Muzium Negara menganjurkan pesta-pesta dan acara-acara yang inovatif sepanjang tahun, seperti Pesta Malam Singapura yang dinamik dengan pertunjukan seni visual yang memukau, serta tayangan filem-filem dan persembahan yang menakjubkan. Selain itu, Muzium Negara juga menganjurkan pameran-pameran yang mencabar minda dengan melibatkan koleksi artifak yang amat penting. Acara-acara ini disokong oleh pelbagai bentuk kemudahan dan perkhidmatan, termasuk F&B (makanan dan minuman), runcit dan sebuah Pusat Sumber.

Muzium Negara Singapura dibuka semula pada bulan Disember 2006 selepas pembangunan semula selama tiga tahun dan ia juga merayakan ulang tahun penubuhannya yang ke-125 pada tahun 2012. Galeri tetap muzium telah diubah suai dan dibuka semula pada bulan September 2015. Dengan pengkisan dan kandungan tentang sejarah Singapura yang dikemas kini serta disegarkan semula, galeri tetap baru Muzium Negara menggarap semula detik, cabaran dan pencapaian utama negara ini dari permulaannya dari 700 tahun yang lampau sehinggalah menjadi sebuah negara-bandar moden dan bebas pada hari ini.

Marilah berkunjung ke Muzium Negara dan renungi semula sejarah Singapura.

Maklumat Bagi Pengunjung

WAKTU OPERASI

10 pagi hingga 7 malam (kemasukan terakhir 6.30 petang)

BAYARAN MASUK

Tiada bayaran dikenakan buat Warganegara, Penduduk Tetap dan pelawat yang berumur 6 tahun dan ke bawah.

Pelancong dan Warga Asing Dewasa	\$15
Pelajar dan Warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas dengan pengenalan (ID) yang sah	\$10

Setiap tiket termasuk kemasukan ke Pameran Utama yang dipaparkan dalam panduan ini. Sila tunjukkan bukti kelayakan untuk menikmati konsesi. Tiket boleh didapatkan dari Kaunter Perkhidmatan Pelawat Muzium Negara dan SISTIC.

LAWATAN BERPANDU

Sila hubungi Kaunter Perkhidmatan Pelawat untuk lawatan berpandu ke galeri-galeri ini.

AKSES UNTUK KERUSI RODA DAN TEMPAT MENYIMPAN BARANG

Lif menyediakan akses mudah ke galeri-galeri. Tempat menyimpan barang disediakan untuk kegunaan para pelawat.

LUNGSURI LAMAN MUZIUM NEGARA

nationalmuseum.sg

[National.Museum.of.Singapore](https://www.facebook.com/National.Museum.of.Singapore)

[natmuseum_sg](https://www.instagram.com/natmuseum_sg)

MAKLUM BALAS

Hantarkan emel kepada kami di nhb_nm_corpcomms@nhb.gov.sg

Sebuah Institusi

Disokong oleh



Semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah tepat pada masa percetakan. Muzium Negara Singapura berhak untuk membuat perubahan dan pengubahsuaian kepada butiran acara tanpa sebarang notis. Pandangan dan pendapat yang dinyatakan oleh penyampai, fasilitator atau artis dalam siri ceramah, bengkel dan persembahan tidak semestinya mewakili kedudukan Muzium Negara Singapura. Hak cipta terpelihara. Penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa keizinan bertulis daripada Muzium Negara Singapura, penerbit panduan ini. Hak cipta ©2016.

Pameran Utama

Aras Satu GALERI SEJARAH SINGAPURA



Naratif Galeri Sejarah Singapura yang dikemaskini mencartakan pembangunan pulau yang dikenali bertahun-tahun lamanya sebagai Singapura, Tanah Jajahan (Mahkota Inggeris), Syonan-To dan akhirnya, Singapore. Bersempena sambutan 50 tahun kemerdekaan, galeri ini merakamkan perjalanan kematangan bangsa kita dari era perjuangan pascaperang sehingga menjadi bandar raya global yang kita nikmati pada hari ini.

Aras Dua KEHIDUPAN DI SINGAPURA: 100 TAHUN LALU

Empat buah galeri ini memaparkan kehidupan seharian dalam berlainan era sejarah Singapura seawal 100 tahun yang lalu. Terokai kehidupan moden dan progresif penduduk zaman penjajahan sekitar tahun 1920-an hingga 1930-an di galeri *Koloni Moden (Modern Colony)*. Harga dan fahami dengan lebih mendalam tentang kepintaran dan kebingkasan mereka yang menemui harapan dan cinta di galeri *Syonan Terus Hidup (Surviving Syonan)* yang mengisahkan zaman Penjajahan Jepun. Rasai era 1950-1960-an melalui kaca mata seorang kanak-kanak yang membesar bersama negara ini di galeri *Dari Kecil Sehingga Dewasa (Growing Up)* yang merakamkan impian dan aspirasi satu generasi. Ekspresi diri dan kreativiti menjadi tema utama dalam *Suara Warga Singapura* yang merungkai kemunculan identiti Singapura yang baharu dan yakin dalam tahun-tahun 1970-1980-an.

GALERI GOH SENG CHOO: KEHENDAK DAN BAHAYA



Alami garis pemisah antara *Kehendak dan Bahaya* dalam pameran yang merangsang minda di Galeri Goh Seng Choo. Dengan menayangkan hidupan yang membangkitkan keinginan dan mengundang ketakutan serta tumbuhan eksotik yang dicari-cari kerana keupayaannya membangkitkan keseronokan atau kesakitan, pemilihan lukisan *William Farquhar Collection of Natural History Drawings* mempersembahkan hubungan antara manusia dengan alam yang kompleks dan kadang kala meresahkan.

ROTUNDA KACA: STORY OF THE FOREST DAN SINGAPORE, VERY OLD TREE

Mulai 10 Dec 2016

Galeri Sejarah Singapura akan dipertingkatkan lagi dengan dua karya instalasi imersif yang akan menyambut kedatangan para pengunjung sebelum diundang ke ruang galeri utama. Karya pertama yang dipaparkan ialah karya instalasi digital yang diilhamkan oleh Koleksi Lukisan Sejarah Semulajadi William Farquhar bertajuk, *Story of the Forest*. Para pengunjung akan dibawa kembali ke rantau Malaya pada abad ke-20 seperti yang dilihat dari kacamata pelukis zaman tersebut, yang kini diimajinasikan pula oleh kolektif seni berbilang media, teamLab.

Sebelum melangsungkan perjalanan ke Galeri Sejarah Singapura, pengunjung dapat menikmati karya instalasi fotografi bertajuk, *Singapore, Very Old Tree* oleh artis Singapura, Robert Zhao. Karya beliau menerokai wacana alam semulajadi di Singapura.



Gambaran karya *Story of the Forest* oleh teamLab.

Aras Satu

ART OF THE REHEARSAL

Galeri10 | Mulai 10 Dec 2016
Kemasukan percuma



Gambaran karya *Art of the Rehearsal* oleh Sarah Choo Jing.

Art of the Rehearsal adalah sebuah karya instalasi video imersif tiga saluran oleh artis berbilang disiplin, Sarah Choo Jing. Karya beliau memaparkan penari-penari Singapura dari pelbagai budaya, yang kelihatan sedang berlatih di kawasan lorong belakang di perkarangan pusat-pusat kebudayaan di Singapura. Menerusi karya ini, beliau mengetengahkan semangat gigih para penari, serta proses latihan intensif yang dialami di sebalik setiap persembahan.

Persembahan tarian yang ditayangkan dalam video ini telah dipersembahkan oleh Apsaras Arts Ltd, Era Dance Theatre dan Singapore Hokkien Huay Kuan Dance Theatre.


Mengenai Galeri10

Galeri10 adalah sebuah ruang experimentasi yang meneroka dunia sekeliling melalui paparan imersif dan berbilang disiplin yang berlatarkan seni dan sains.

Aras Dua

WINGS OF A RICH MANOEUVRE


Atrium Kaca | Mulai 1 Dec 2016
Kemasukan percuma




Gambaran karya *Wings of a Rich Manoeuvre* oleh Suzann Victor. © Suzann Victor

Wings of a Rich Manoeuvre oleh artis tempatan Suzann Victor, mempersembahkan lapan lampu "chandelier" kinetik yang berayun di pertengahan udara seolah-olah mengikut koreografi cahaya. Setiap lampu "chandelier" dibina daripada keluli tahan karat (stainless steel) dan disemat dengan batu-batu kristal Swarovski yang dibentuk khas bagi menyerlahkan lagi kilauan cahaya LED. Terletak tinggi di atas jambatan yang menyatukan bangunan kolonial asal Muzium Negara dari abad ke-19, dengan ruang sambungan yang berbentuk moden dan futuristik, karya ini menghasilkan sebuah "kaligrafi udara" yang menakjubkan dengan setiap hayunannya.

Aras Tiga




Aras Dua




- 2.1 Galeri Goh Seng Choo: Kehendak dan Bahaya
- 2.2 Kehidupan di Singapura: Dari Kecil Sehingga Dewasa
- 2.3 Kehidupan di Singapura: Suara Warga Singapura
- 2.4 Kehidupan di Singapura: Koloni Moden
- 2.5 Kehidupan di Singapura: Syonan Terus Hidup
- 2.6 Rotunda Kaca
- 2.7 Atrium Kaca
- 2.8 Bilik Seminar
- 2.9 Ruang Koc

Aras Satu



- 1.1 Flutes
- 1.2 Galeri Stamford
- 1.3 Perkhidmatan Pelawat
- 1.4 Janice Wong Singapore
- 1.5 Galeri10
- 1.6 Food For Thought
- 1.7 Ruang Tamu
- 1.8 Pejabat Stamford
- 1.9 Ruang Concourse
- 1.10 Galeri Sejarah Singapura

Aras Bawah



- B.1 Ruang Kanyon
- B.2 Teater Galeri
- B.3 Galeri Pameran 2
- B.4 Galeri Pameran 1

- Perkhidmatan Pelawat
- Kedai Cenderamata Muzium
- Restoran
- Cafe
- Elevator Pelawat
- Tandas
- Bilik Penjagaan Bayi
- Tempat Menyimpan Barang



Museum Label

Isnin – Ahad, 10 pagi – 6.30 malam
Tel (65) 6336 6387

Nikmati kegembiraan kecil dalam kehidupan di MUSEUM LABEL, kedai runcit muzium yang dikendalikan oleh Lembaga Warisan Negara.



Food For Thought at the National Museum of Singapore

Isnin – Ahad, 10 pagi – 7 malam
Tel (65) 6338 9887



Flutes

Isnin – Khamis: 11.30 pagi – 10 malam (pesanan terakhir)
Jumaat: 11.30 pagi – 10.30 malam (pesanan terakhir)
Sabtu: 10 pagi – 10.30 malam (pesanan terakhir)
Ahad: 10 pagi – 4 petang (pesanan terakhir)
Tel (65) 6338 8770
flutes@flutes.com.sg | www.flutes.com.sg



Janice Wong Singapore

Isnin – Sabtu: 11 pagi – 11 malam
Ahad: 11 pagi – 6 petang
Tel (65) 9712 5338
info@janicewong.com.sg | www.janicewong.com.sg